

**DEWAN MAJLIS**

Hari Isnin, 13hb. Syaaban 1444H / 6hb. Mac 2023M

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA**

**HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance

(First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, PSNB., SPMB., PSB., PIKB., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, PSNB., SPMB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, PSNB., DPMB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, PSNB., SPMB., PIKB., PKL.,

Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, PSNB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampong Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampong Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampong Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampong Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampong Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampong Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, PSB., PIKB., PKLP., Ketua Kampong Labu Estate dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Dimulikan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, Isnin, 13hb. Syaaban 1444H bersamaan 6hb. Mac 2023M didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اللَّهُ سُبْحَانَهُ kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada petang ini bersidang bagi hari yang ketiga dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada hari Sabtu yang lepas, (pada sebelah petangnya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah selesai meluluskan Usul-

Usul Yang Telah Diberi Notis) dan persidangan telah mula membahaskan Perkara VI Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Rang Undang-Undang tersebut telah dibaca bagi kali pertama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan permohonan supaya Rang ini dapat dibaca bagi kali kedua dan ketiga iaitu dengan menggantung Peraturan-Peraturan Tetap 28 (2) Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh yang demikian, atas sebab-sebab yang telah dikemukakan, saya memberikan keizinan bagi Rang Undang-Undang Yang bergelar: **"Suatu Akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menghuraikan hujah-hujahnya.

Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya atas keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola membacakan Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
 الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
 رَبِّ أَسْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ بَيْنِ  
 السَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةِ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah: **"Untuk membenarkan bagi pengeluaran sejumlah \$5.96 bilion Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual"**.

Kaola memohon izin lebih dahulu untuk menerangkan secara ringkas mengenai penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan

2023/2024 ini berdasarkan kepada analisis dan penilaian yang telah dibuat ke atas prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam, keutamaan perbelanjaan kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ، syukur kita panjatkan ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini dapat terus menikmati pembangunan dan perkembangan, keamanan dan kemakmuran di sebalik pelbagai cabaran yang telah dihadapi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dunia telah menyaksikan pelbagai pergolakan yang luar biasa seperti pandemik *COVID-19*, konflik geopolitik dan impak inflasi yang tinggi. Ini semua telah menyebabkan krisis kos sara hidup di kebanyakan negara dan memberikan kesan khususnya kepada perbelanjaan isi rumah berikutan peningkatan kos tenaga dan komoditi. Terhadnya rantai bekalan barangan serta pengurangan rangsangan fiskal berkaitan pandemik *COVID-19*. Situasi ini telah mengakibatkan kesan negatif yang berlarutan terhadap prestasi ekonomi global.

Pihak *International Monetary Fund (IMF)* dalam laporan terkini *World Economic Outlook* keluaran bulan Januari 2023 telah mengunjurkan Pertubuhan Ekonomi Global menjadi perlahan dari kadar 3.4% pada tahun 2022 kepada 2.9% pada tahun 2023, sebelum kembali pulih pada kadar 3.1% bagi tahun 2024. Ini antaranya disebabkan kebanyakan negara telah membuka semula sempadan serta kedayatahan negara-negara semasa menghadapi kenaikan inflasi, kos tenaga yang tinggi, kadar faedah tinggi dan konflik geopolitik berterusan.

Berikutan dengan unjuran Pertubuhan Ekonomi Global ini, permintaan global juga dijangka akan berkurangan dan seterusnya menjejaskan perdagangan global. Oleh itu, pihak *IMF* melalui laporan *WEO* bulan Januari 2023 telah meramalkan jumlah perdagangan global ataupun *global trade volume* akan menjadi perlahan daripada kadar 5.4% pada tahun 2022 kepada 2.4% bagi tahun 2023 sebelum kembali pulih pada kadar 3.4% bagi tahun 2024.

Pihak *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Januari 2023 telah meramalkan harga minyak *Brent* akan menurun secara purata dari USD100.94 setong pada tahun 2022M kepada USD83.10 setong pada tahun 2023, berikutan jangkakan pengeluaran minyak global yang berlebihan berbanding dengan permintaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola seterusnya

ingin mengongsikan prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam. Momentum kadar pemulihan ekonomi negara diunjurkan terus meningkat berikutan pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa.

Namun penularan semula pandemik *COVID-19* masih menjadi satu risiko beserta risiko global lain yang besar kemungkinan akan menjejaskan situasi ekonomi negara ini. Mengikut laporan suku ketiga tahun 2022, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** telah mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 0.9% setelah mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku pertama dan kedua tahun 2022. Pertumbuhan suku ketiga tahun 2022 ini berikutan peningkatan dalam sektor bukan minyak dan gas sebanyak 4.6% yang didorong oleh peningkatan dalam beberapa subsektor seperti hiliran, kewangan, pengangkutan udara, perdagangan borong dan runcit dan perikanan.

Walau bagaimanapun, sektor minyak dan gas pula mencatatkan penurunan pada kadar 2.7% disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah. Penurunan ini disebabkan antaranya penutupan yang berjadual dan tidak berjadual bagi aktiviti-aktiviti *maintenance* serta pemulihan pelantar minyak luar pantai. Manakala Pusat Kajian Strategik dan Dasar atau *Center for Strategic and Policy Studies (CSPS)* melalui laporan *Brunei Economic Outlook 2023* telah pun mengunjurkan ekonomi negara akan

berkembang pada kadar 2.6% bagi tahun 2023. Unjuran ini didorong oleh pertumbuhan dalam sektor minyak dan gas pada kadar 2% berikutan pengeluaran yang dijangka meningkat setelah aktiviti-aktiviti *maintenance* selesai dilaksanakan.

Manakala aktiviti yang lain dalam sektor bukan minyak dan gas juga dijangka mencatatkan pertumbuhan yang positif pada kadar 2.8% mengambil kira kebanyakan aktiviti ekonomi berkenaan dijangka akan beransur pulih berikutan pembukaan semula sempadan serta pengurangan langkah-langkah pengawalan yang berkaitan dengan endemik *COVID-19*.

*CSPS* juga mengunjurkan inflasi negara akan menurun kepada kadar 2.5% bagi tahun 2023 adalah mencatatkan kadar 3.7% pada tahun 2022, iaitu kadar inflasi yang tertinggi sejak tahun 1995. Ini disebabkan oleh permintaan global yang lemah dan rantai bekalan yang beransur pulih. Di samping itu, pihak *IMF*, *Asean +3 Macroeconomic Research Office* atau *AMRO* dan *Asean Development Bank (ADB)* telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi yang positif bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2023, iaitu masing-masing pada kadar 3.3%, 3% dan 3.6%.

Unjuran tersebut mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan mempelbagaikan ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti

berkaitan dengan Syarikat *Hengyi Industries Sendirian Berhad*, Syarikat Methanol Brunei (*BMC*) dan *Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI)*. Namun demikian unjuran-unjuran yang kaola kongsiikan sebentar tadi juga tertakluk kepada beberapa faktor luaran dan dalaman (*external and internal factors*).

Antaranya seperti:

- i. Penularan varian-varian *COVID-19* baharu.;
- ii. Tekanan geopolitik berterusan yang akan mengakibatkan gangguan rantai bekalan kepada inflasi yang tinggi.;
- iii. Risiko kemelesetan ekonomi dunia.;
- iv. Ketidakpastian pasaran minyak dan gas dunia dan tahap pengeluaran minyak dan gas negara.

اللّٰهُمَّ بِكَ نَعُوْذُ وَبِكَ اَلْتَجِيْءُ langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan dengan sokongan padu daripada pihak swasta dan seluruh rakyat dan penduduk melalui pendekatan *Whole Of Government* dan *Whole Of Nation* telah dapat mengawal dan mengurangkan kesan atau impak daripada ketidakpastian ekonomi global demi memastikan ekonomi negara dapat membangun, terus kukuh dan stabil.

Beberapa usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara kita telah dan akan terus dilaksanakan untuk

membantu perkembangan dan pertumbuhan sektor swasta melalui pembangunan perniagaan tempatan dan *government linked companies (GLC's)* dan termasuk usaha-usaha bagi menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini kita telah menyaksikan perkembangan yang menggalakkan di sektor bukan minyak dan gas. Namun demikian, usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi perlu diteruskan dan dilipatgandakan dalam sektor tersebut melalui penglibatan pihak swasta khususnya pengusaha-pengusaha tempatan (*GLC's*) dan *FDI* bagi membina asas ekonomi yang lebih kukuh, luas, berdaya tahan dan berdaya maju sepertimana yang dihasratkan di bawah matlamat ketiga dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai matlamat-matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035 yang tempoh sasaran semakin hampir. Perkara ini juga telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-39 pada 23hb. Februari 2023M.

Dalam hal ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah melancarkan *Economic Blueprint* dan peta-peta jalan di bawah sektor industri pemakanan, industri hiliran minyak dan gas dan

industri perkhidmatan maritim yang bertujuan menambah baik ekosistem dan juga industri-industri tempatan dapat meningkatkan usaha masing-masing ke arah memperkukuhkan lagi kedayatahan ekonomi negara. *Blueprints* dan peta-peta jalan ini penting untuk merancang dan mencapai pembangunan negara pada jangka masa yang sederhana dan panjang ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam mendukung usaha negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, kerajaan terus komited dengan tindakan *global* dalam melaksanakan matlamat pembangunan yang berdaya tahan bagi tahun 2030 yang dikenali sebagai *Sustainable Development Goals (SDG's)*, ini merupakan landasan bagi memastikan pembangunan negara dicapai dengan prinsip inklusif, saksama dan mampan.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ tindakan-tindakan menyokong agenda *SDG's* telah berjaya dalam beberapa aspek contohnya:

- i. Pemantauan perkembangan petunjuk indikator *SDG's*, Bengkel Kebangsaan *SDG's*; dan;
- ii. Perkongsian (*Partnership*) dan program meningkat kesedaran.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ lebih banyak tindakan akan dilaksanakan seperti laman sesawang *SDG's* dan meningkatkan kerjasama terutamanya dengan belia.



Di samping itu, negara sedang membuat persiapan bagi menghadapi laporan *Voluntary National Review II* ke *United Nation High Level Political Forum on Sustainable Development* pada bulan Julai 2023. Laporan ini akan mengongsikan kepada masyarakat *global* mengenai kemajuan *SDG's* dari konteks Brunei Darussalam terutamanya Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** negara telah memasuki fasa endemik kira-kira setahun yang lalu dan rakyat serta penduduk di negara ini mempunyai tahap imuniti yang tinggi bagi perlindungan masyarakat umum yang diperolehi melalui vaksinasi dan jangkitan semula jadi.

Namun demikian, negara perlu terus berwaspada dan menyesuaikan keadaan kepada norma baharu mengambil kira ancaman wabak masih belum berakhir sepenuhnya termasuklah risiko terhadap penemuan varian-varian baharu dan penyakit berjangkit yang lain.

Dalam hal ini juga, kerajaan akan terus berusaha merangsang pertumbuhan ekonomi meningkatkan ruang fiskal agar dapat meneruskan pelaburan khususnya dalam sektor kesihatan dan infrastruktur dan meningkatkan jaringan keselamatan sosial agar negara dapat bersedia dalam menangani apa jua cabaran pada masa hadapan secara berkesan.

Di samping itu, kerajaan akan terus membuat pelaburan ke arah menjamin

kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini untuk memastikan kehidupan yang makmur melalui penyediaan pendidikan yang berkualiti serta peluang-peluang pekerjaan baik di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta. Seterusnya memastikan rakyat dan penduduk dapat hidup selesa semasa waktu persaraan nanti.

Dalam kesempatan ini, kaola menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023M mengenai Skim Persaraan Kebangsaan ataupun SPK yang **ان شاء الله** akan dilaksanakan pada bulan Julai 2023 ini.

SPK merupakan hasil usaha kerajaan untuk menambah baik Skim Pencen yang sedia ada, iaitu bagi menggantikan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP). Dengan adanya Skim SPK yang baharu ini ia akan mengukuhkan lagi kesejahteraan sosial para ahli semasa persaraan nanti.

Skim tersebut akan menggunakan kaedah *income replacement ratio* atau pencen bulanan berdasarkan gaji pada waktu perkhidmatan yang lebih baik pada waktu persaraan nanti. Ia juga akan mengambil kira kadar inflasi bagi memastikan pendapatan persaraan ahli tidak terjejas pada masa akan datang.

Skim ini juga lebih *inclusive* di mana ianya bukan sahaja terhad kepada pekerja-pekerja di sektor kerajaan, malahan sektor swasta termasuk juga bekerja sendiri atau *self-employed*. Dalam menggalakkan pekerja supaya lebih produktif SPK dapat memberikan manfaat yang lebih baik dengan pembayaran anuiti yang boleh mencapai sepanjang hayat. Dalam masa yang sama perlindungan manfaat turunan bagi tanggungan- tanggungan ahli juga telah diperluaskan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ sejak bulan April 2022, sesi pemberiagan SPK telah disampaikan kepada hampir 13,000 orang ahli yang terdiri daripada pekerja sektor kerajaan dan swasta. Hasil daripada pemberiagan tersebut beberapa maklum balas serta *input* telah diterima dan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Tabung Amanah Pekerja telah membuat beberapa tambahan kepada skim berkenaan untuk mengukuhkan lagi manfaat bagi ahli-ahlinya.

SPK yang telah dikemaskini seterusnya diberigakan melalui beberapa sesi konsultasi yang dimulakan dengan ahli-ahli yang berumur 50 ke 59 tahun bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa ICC sehingga 22hb. Mac 2023M ini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ sesi kedua akan diteruskan di *Health Promotion Centre* bermula 27hb. Mac 2023M sehingga 21hb. April 2023M. Maklumat-maklumat mengenai SPK juga boleh didapati melalui *website* dan media social TAP. Setakat ini

sambutan dan maklum balas dari ahli-ahli yang hadir sangat positif bahawa mereka menghargai penambahbaikan berkenaan, terutama sekali peningkatan intuisi semasa mereka bersara nanti.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ SPK ini akan dikemas kini dari masa kemasa secara berterusan bagi setiap 3 ke 5 tahun bagi memastikan ia terus relevan dan mencapai objektifnya. Oleh itu, kaola menggalakkan ahli-ahli untuk mengambil peluang untuk hadir pada sesi-sesi konsultasi SPK untuk mengetahui lebih lanjut mengenai skim baharu ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kutipan hasil pendapatan kerajaan telah meningkat sebanyak 132.5% kepada \$4.77 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2020/2021 berikutan kenaikan harga minyak dunia pada tahun 2021 yang secara pro rata berada pada paras melebihi USD70 juta setong.

Pada masa yang sama perbelanjaan sebenar kerajaan juga telah meningkat sebanyak 9.2% kepada \$5.78 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2020/2021. Oleh yang demikian, kerajaan telah merekodkan defisit berjumlah \$1.01 bilion bagi Tahun Kewangan 2021/2022.

Dari segi kedudukan fiskal kerajaan yang dikemas kini bagi Tahun Kewangan

2022/2023 pula, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** berikutan dengan kenaikan harga minyak dunia, unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 adalah dikemas kini kepada \$6.0 bilion. Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 diunjurkan berjumlah \$5.9 bilion berbanding dengan \$5.7 bilion yang telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2022/2023.

Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Kemajuan diunjurkan berjumlah \$237.74 juta berbanding dengan \$350 juta yang telah diluluskan antaranya disebabkan cabaran-cabaran yang dihadapi semasa pandemik *COVID-19* terutamanya Program Sumber Manusia seperti Program Latihan dibawah *MPEC* penelitian semula *user requirement* dan skop projek penelitian tawaran dan pelantikan konsultan serta kesesuaian tapak projek.

Dengan mengambil kira keupayaan kementerian-kementerian untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara atau RKN itu, kaola sukacita mengongsikan keputusan Jawatankuasa Tertinggi RKN yang telah dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melanjutkan RKN-11 selama satu tahun lagi iaitu sehingga penghujung Tahun Kewangan 2023/2024.

Ini untuk membolehkan kementerian-kementerian menyelesaikan projek-projek RKN ke 11 yang masih dalam

pelaksanaan serta memberikan peluang kepada kementerian untuk meneliti semula projek-projek baharu yang dipohonkan di bawah RKN Ke-12.

Oleh itu, berdasarkan kepada Anggaran kutipan hasil yang menggalakkan dan perbelanjaan seperti yang kaola kongsiikan sebentar tadi **ان شاء الله** kerajaan dijangka akan merekodkan *marginal budget surplus* bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya sukacita kaola mengongsikan bahawa dengan berasaskan unjuran-unjuran serta hala tuju ekonomi dunia pada masa ini dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak negara, anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 diunjurkan berjumlah \$2.99 bilion iaitu \$2.03 bilion adalah hasil daripada sektor minyak dan gas dan \$952.37 juta adalah hasil dari sektor bukan minyak dan gas. Pecahan hasil-hasil tersebut adalah antaranya:

- i. Kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah \$335.50 juta,;
- ii. Hasil dari yuran, caj dan sewa yang keseluruhannya berjumlah \$323.27 juta.;
- iii. Hasil pulangan pelaburan dan simpanan sebanyak \$236.28 juta ;dan

- iv. Hasil yang berlebihan dari badan-badan berkanun sebanyak \$40.49 juta.

Dari segi perbelanjaan, sejumlah \$5.96 bilion dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan iaitu terdiri daripada:

- i. Sejumlah \$2.19 bilion untuk membiayai Gaji Kakitangan termasuk gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman.;
- ii. Sejumlah \$2.21 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-ulang.;
- iii. Sejumlah \$500 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan untuk meneruskan projek-projek di bawah RKN ke-11.; dan
- iv. Selebihnya untuk membiayai Perbelanjaan di bawah Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, berdasarkan kepada Anggaran Hasil dan Perbelanjaan yang kaola nyatakan tadi maka kerajaan dijangka akan kembali mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira \$2.97 bilion.

Unjuran defisit ini akan dikemaskinikan dari masa ke masa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari sektor

bukan minyak dan gas dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola akan beralih kepada Tema Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2023/2024. Tema yang dipilih adalah: **'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'** atau **'Building A Prosperous Future Together'**. Tema ini akan memfokuskan kepada 3 keutamaan:

- i. Memelihara Kesejahteraan Awam;
- ii. Mendukung Pemulihan Negara yang Inklusif Dan Berdaya Tahan; dan.;
- iii. Pembangunan Modal Insan yang Dinamik, Proaktif Dan Inovatif.

Tema ini dirangka ke arah mengukuhkan lagi kedayatahan sosioekonomi negara. Kerajaan akan sentiasa berusaha membina asas ekonomi yang berdaya tahan, dinamik dan resilien ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, sektor kerajaan, sektor swasta serta setiap lapisan rakyat dan penduduk perlulah bersama-sama berganding bahu, memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing demi menjamin kesejahteraan negara yang berpanjangan. Ini juga termasuk penglibatan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's* dan juga Syarikat Pelaburan Langsung Asing atau *FDI*.

Ke arah itu keutamaan akan terus diberikan kepada peningkatan usaha untuk mempelbagaikan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara, menambah baik ekosistem perniagaan dan memperkukuhkan daya saing negara bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dan berdaya tahan ke negara ini agar mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti bagi anak-anak tempatan khususnya dalam sektor swasta.

Kerajaan juga akan terus menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan *accessible* yang kritikal dalam mendukung aktiviti-aktiviti ekonomi dan juga menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Di samping itu, kerajaan juga akan terus menyediakan pendidikan yang berkualiti dan inklusif bagi meningkatkan kemahiran generasi sekarang dan generasi yang akan datang agar dapat melahirkan anak tempatan yang *marketable* dan *employable* supaya dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu per satu termasuk perkembangan dan pencapaian-pencapaiannya.:

1. Memelihara Kesejahteraan Awam. Kerajaan akan terus memberi keutamaan untuk memelihara dan melindungi kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk bagi memastikan kestabilan

sosioekonomi negara. Ini termasuklah memastikan keperluan-keperluan dan perkhidmatan asas negara ini akan terus dapat disalurkan dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk termasuk golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah fokus Memelihara Kesejahteraan Awam ini:

- i. Bagi memastikan Sistem Rangkaian Jalan Raya Bersepadu atau *Intergrated Road Network System* sejumlah \$11.3 juta dengan Harga Rancangan \$926.7 juta di bawah RKN-11 dan sejumlah \$14.5 juta di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang akan disediakan bagi Kementerian Pembangunan untuk meneruskan kerja-kerja penambahbaikan, pemeliharaan dan peningkatan rangkaian jalan raya.;
- ii. Untuk memastikan akses bekalan air bersih di negara ini, peruntukan sejumlah \$34.8 juta dengan Harga Rancangan \$234.4 juta di bawah RKN-11 dan sejumlah \$26.4 juta di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang disediakan khusus bagi Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan, penaiktarafan dan penggantian aset-aset bekalan air.;

- iii. Untuk memastikan kestabilan rangkaian bekalan tenaga elektrik di negara ini, peruntukan sejumlah \$69.2 juta dengan Harga Rancangan \$335.7 juta di bawah RKN-11 dan sejumlah \$83.5 juta di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri disediakan bagi membiayai kerja-kerja peningkatarafan dan *maintenance* infrastruktur elektrik.; dan
- iv. Bagi meningkatkan akses pemilikan rumah sebagai keperluan penduduk yang meningkat, peruntukan sejumlah \$65.1 juta dengan Harga Rancangan \$195 juta di bawah RKN-11 akan terus disediakan untuk membina rumah-rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara.

Selaras jua dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pelaksanaan SPK bermula pada Tahun Kewangan 2023/2024, peruntukan yang disediakan bagi caruman-caruman adalah sebanyak \$105.7 juta di bawah Gaji Kakitangan bagi semua pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan kerajaan.

Kerajaan juga akan memberikan keutamaan untuk memastikan golongan orang kelainan upaya bagi menikmati hak peluang dan akses secara saksama

bagi penyertaan penuh dalam masyarakat.

بِسْمِ اللَّهِ dengan penguatkuasaan Perintah Orang Kurang Upaya (OKU) 2021 pada 01hb. Oktober 2021M yang lalu, setakat bulan Disember 2022 sebanyak 3,800 borang pendaftaran OKU telah diterima oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seterusnya akan dimasukkan dalam Pendaftaran Kebangsaan OKU setelah mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Kesihatan.

Pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat juga sedang dalam perancangan akhir untuk mengeluarkan kad OKU kepada golongan OKU yang telah disahkan dan didaftarkan dalam Pendaftaran Kebangsaan berkenaan.

Bagi tujuan pengesahan identiti OKU serta akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, manakala dengan penguatkuasaan perintah Akta Pencen Umur Tua Dan Kurang Upaya Pindaan 2021 setakat bulan Disember 2022 seramai 4,755 OKU telah diluluskan untuk menerima Elaun Kurang Upaya. Daripada jumlah itu, seramai 434 orang juga penerima kedua-dua Pencen Umur Tua Dan Elaun Kurang Upaya.

Di samping itu, sebanyak 315 pemohon telah diluluskan untuk menerima Elaun Penyelia Penjagaan mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Untuk meringankan beban golongan-golongan tertentu di samping menggalakkan penerima-penerima untuk terus berusaha dan berdikari peruntukan

sejumlah \$12.6 juta di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat akan terus disediakan bagi membolehkan Bantuan Kebajikan Bulanan dihulurkan.

Dari aspek pengawalan penularan wabak *COVID-19*, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$798 juta setakat ini secara keseluruhannya untuk menangani penularan wabak *COVID-19* di negara ini. Antaranya bagi membiayai pembelian mesin perubatan seperti Mesin *Respiratory* dan *ICU Ventilator*, peralatan ujian termasuk *RT-PCR Kit* dan *Viral RNA Extraction Kit*, pembekalan ubat-ubatan vaksin dan penambahan kapasiti sistem *BruHealth*, barangan guna habis dan keperluan lain.

Keutamaan akan terus diberikan ke arah mengukuhkan dan memantapkan lagi sistem kesihatan negara untuk lebih *resilience, efficient, effective* dan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi termasuk memastikan pembangunan tenaga kerja dalam pelbagai disiplin profesional kesihatan yang berkemahiran serta tenaga kerja kesihatan sentiasa mencukupi dengan situasi semasa.

Hari ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi mendukung usaha untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara termasuklah pihak Kementerian Kesihatan bersama Syarikat Teknologi *EVYD* telah melancarkan *intelligence hub* yang akan menempatkan *Epidemic Intelligence and Response Unit* ini sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan daya tahan

ecosistem penjagaan kesihatan di negara ini. Usaha sama tersebut telah melibatkan pelaburan sebanyak \$51 juta iaitu termasuk bagi penubuhan *Intelligence Hub* dan pembangunan aplikasi *BruHealth*.

Penubuhan *Jerudong Park Medical Centre Collage of Health Sciences (JCHS)* oleh *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* bersama *Far Eastern University* dari Republic Filipina. Penubuhan kolej tersebut bertujuan menghasilkan warga tempatan yang profesional dan berkemahiran tinggi dalam sektor penjagaan kesihatan bagi mencukupi keperluan negara.

Izinkan kaola mengongsikan perkembangan *Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS)* dari segi pengambilan pelajar dan juga tenaga kerja tempatan. Seramai 61 orang pelajar telah pun mengikuti program asasi bagi pengambilan pertama untuk Tahun Akademik 2022/2023 yang telah bermula pada bulan Oktober 2022 lalu.

Manakala bagi pengambilan seterusnya iaitu pada Tahun Akademik 2023/2024 yang akan bermula pada bulan Ogos 2023 nanti, seramai 140 orang pelajar dijangka akan mengikuti kedua-dua program asasi dan ijazah. Dari segi peluang pekerjaan pula khususnya jawatan-jawatan bukan akademik di *Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS)*, sebanyak 12 jawatan telah diisikan oleh tenaga kerja tempatan dan sejumlah tersebut

dijangka akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

Beberapa peruntukan juga akan disediakan di bawah Sektor Kesihatan yang berkaitan dengan perkhidmatan rawatan dan perubatan:

- i. Sejumlah \$3 juta dengan Harga Rancangan \$39.8 juta akan terus disediakan di bawah RKN-11 dalam menyediakan infrastruktur dan fasiliti kesihatan di daerah-daerah.;
- ii. Sejumlah \$55 juta bagi pembelian ubat-ubatan dan \$45 juta bagi Pembekalan dan Perkhidmatan Perubatan.;
- iii. Sejumlah \$30 juta disediakan untuk membiayai Perkhidmatan Perubatan Rawatan di *JPMC*, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei Neuroscience, Stroke dan Rehabilitation centre*.; dan
- iv. Sejumlah \$50 juta akan terus disediakan khusus untuk menangani wabak penyakit berjangkit.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengatasi isu perubahan iklim, *بِسْمِ اللَّهِ* Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan aktif dalam sama-sama melaksanakan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Bagi membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah

karbon dan berdaya tahan iklim, kerajaan amat komited dan *'on-track'* untuk mencapai sasaran komitmen di bawah Perjanjian Paris iaitu mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20% menjelang tahun 2030.

Bagi tahun 2022, negara telah berjaya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau kepada 11.4 juta tan *CO2* berbanding dengan sasaran sebanyak 15.82 juta tan *CO2*. Sebagai langkah mitigasi, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2022, antaranya penanaman pokok sebanyak 42,928 batang pokok, pengurangan pelupusan sampah, pengurangan pelepasan gas rumah hijau dalam sektor perindustrian, peningkatan tenaga yang diperbaharui melalui pembinaan projek suria dan pengurangan pengeluaran gas rumah hijau dari penjaan dan penggunaan tenaga.

Pada tahun ini, tumpuan akan diberikan kepada usaha menangani isu perubahan iklim dengan melaksanakan langkah adaptasi melalui penggubalan Pelan Adaptasi Kebangsaan, mewujudkan rangka kerja harga karbon, rangka kerja *Domestic Voluntary Carbon Offset (DVCO)* dan Draf Akta Karbon dan pengukuhan ketelusan Inventori Gas Rumah Hijau Negara melalui Projek Inventori Sumber Hutan Negara dan Direktif.

Oleh itu, semua pihak yang berkepentingan hendaklah memainkan peranan aktif dalam sama-sama



membentuk hala tuju negara menjadi sebuah negara lestari yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim, selaras dengan komitmen negara ke arah pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang 2050.

Di samping itu, beberapa usaha telah dilaksanakan bagi mendukung hasrat dan komitmen tersebut antaranya penubuhan Pusat Perubahan Iklim *ASEAN (ASEAN Climate Change Centre)* di Negara Brunei Darussalam yang akan berfungsi sebagai badan pemikir, hab pengetahuan, penyelar strategik dan penyepadu inisiatif dan aktiviti tindakan iklim dalam rantau *ASEAN*.

Kira-kira sejumlah \$700 ribu setahun dengan Harga Rancangan kira-kira \$2.1 juta disediakan untuk membiayai fasa pertama penubuhan pusat ini. Pelancaran *Retail Rapid Charging Station* pertama di Stesen Minyak IBA, Lambak oleh *Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad* yang boleh mengemas kenderaan elektrik dalam masa lebih kurang 30 minit.

Beberapa peruntukan juga telah disediakan untuk menangani bencana alam, antaranya untuk menangani risiko bencana alam sejumlah \$596 ribu dengan Harga Rancangan \$52.8 juta disediakan di bawah RKN. Sejumlah \$25 juta juga disediakan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk pengurusan bencana alam bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam menangani apa juga bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keutamaan belanjawan kedua ialah Mendukung Pemulihan Negara yang Inklusif dan Berdaya Tahan. Kerajaan akan memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha dalam membantu perkembangan dan pertumbuhan sektor swasta dengan meningkatkan produktiviti negara dalam sektor ekonomi yang telah dikenal pasti melalui perniagaan tempatan serta usaha-usaha dalam menarik *FDI* agar kesan limpahan ekonomi daripada aktiviti syarikat-syarikat berkenaan akan dapat menawarkan lebih banyak peluang perniagaan kepada Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (*MSME*) di negara ini.

*GLC's* dan *FDI's* juga memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan dalam membuat pelaburan yang signifikan untuk mengembangkan ekonomi negara melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, meningkatkan aktiviti perekonomian, menyumbang kepada nilai eksport dan seterusnya mendukung fokus kedua ini.

Izinkan kaola mengongsikan perkembangan terkini beberapa projek *FDI* yang telah beroperasi di bawah *priority sectors*:

- i. *Syarikat Anson International Sendirian Berhad* iaitu sebuah syarikat usaha sama antara *Dana Strategic Development Capital* dengan sebuah syarikat tempatan dan beberapa syarikat antarabangsa telah pun ditubuhkan pada 25hb. Jun 2022M.

Penubuhan syarikat tersebut bertujuan membina dan menjalankan operasi sebuah fasiliti *maintenance* bagi kapal-kapal laut dan *decommissioning yard*;

- ii. Kolaborasi antara *Muara Port Company, Ben Line Agencies (B)* dan *Regional Container Lines Pte. Ltd.* telah melancarkan perkhidmatan baharu iaitu *Regional East Malaysia Services* antara Malaysia Timur, Negara Brunei Darussalam dan Singapura menggunakan sebuah *container feeder vessel* dengan muatan sebanyak 930 Teu's.

Kerjasama berkenaan akan membolehkan Pelabuhan Muara berkembang lagi sebagai destinasi *transshipment* dan mengukuhkan lebih banyak laluan perkapalan ke Pelabuhan Muara dan seterusnya mengadakan harga penghantaran dan kos logistik yang lebih kompetitif;

- iii. *Maritime dan Port Authority Brunei Darussalam (MPABD)* telah menandatangani perjanjian bersama *Amarco Group Sendirian Berhad* bagi pengurusan dan pengendalian *Brunei Bay Southern Anchorage* pada 29hb. September 2022M. Fasiliti tersebut dijangka akan mula beroperasi pada bulan Jun 2023. Projek tersebut akan membuka peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada warga tempatan dan seterusnya meningkatkan kemahiran dalam

bidang marin dan teknikal dalam industri berkenaan.

Projek berkenaan juga dijangka akan dapat menjana peluang ekonomi *spin-off* kepada syarikat-syarikat tempatan seperti perkhidmatan *pilotage, oil supplier, food supply, tank cleaning, pest control, medical services, perkhidmatan tempat tinggal, training courses, garbage and water disposal, repairs and maintenance works on vessels, pengurusan fasiliti* dan sebagainya;

- iv. *Syarikat Hengyi Sendirian Berhad* sedang meneliti *feasibility studies* dan skop pelaksanaan bagi projek fasa kedua yang akan meningkatkan kapasiti penghasilan daripada 8 juta tan matirk setahun kepada 10 juta tan matrik setahun bersamaan dengan 475 ribu tong sehari. Projek bagi kedua-dua fasa tersebut dijangka akan memberi kira-kira sebanyak 3,900 peluang pekerjaan.;
- v. *Loji Syarikat Brunei Fertilizer Industries (BFI) Sendirian Berhad* yang telah pun dilancarkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25hb. Februari 2023M telah berjaya menghasilkan lebih daripada 631 ribu tan metrik baja urea semenjak bulan Januari 2022.

Setakat bulan Februari 2023, *BFI* telah berjaya mengeksport 556 ribu tan matirk baja urea dengan nilai pendapatan sebanyak USD322 juta ke negara-negara di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, Australia, Afrika Timur, Amerika Syarikat, Chile, Mexico, New Zealand dan Jepun.

Semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 2hb. Mac 2023M, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa peranan *MSME* sangat penting dalam memacu aktiviti negara mengambil kira *MSME* membentuk 97.2% daripada jumlah keseluruhan aktif di negara ini pada tahun 2020.

Oleh itu, sebagai usaha untuk memperkembangkan *MSME* agar dapat beroperasi secara *sustainable* dan berdaya saing, kerajaan melalui pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* akan terus menyediakan infrastruktur serta program-program sokongan yang relevan termasuk memberikan khidmat nasihat kepada *MSME*. Sejak tahun 2016, seramai 15,000 pengusaha telah dibantu melalui latihan-latihan keusahawan, penubuhan *Start-ups*, latihan berkaitan piawaian bagi mendapatkan Pensijilan Piawaian Antarabangsa, skim *co-matching* dan sebagainya.

Di samping itu, pihak *DARE* juga menyediakan dan menguruskan sebanyak 27 tapak perindustrian dan 4 kilang siap bina di keempat-empat

daerah bagi memudah cara *MSME* dan syarikat *FDI* yang menjalankan aktiviti pembuatan.

Dalam melaksanakan Peta-Peta Jalan Industri di bawah *Brunei Darussalam Economic Blueprint*, kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei sedang mengadakan perundingan dengan beberapa syarikat Pelaburan Langsung Asing dan syarikat domestik untuk menilai dan menambah baik beberapa cadangan projek yang telah diterima setakat ini termasuk cadangan-cadangan berkaitan dengan Sektor Hiliran Minyak dan Gas, Makanan dan Logistik.

Selain itu, ke arah menjana saluran pelaburan ataupun *investment pipeline* yang berterusan dan mampan, kerajaan juga giat mempertingkatkan usaha mempromosi peluang-peluang pelaburan menerusi pelbagai platform sama ada menerusi Program Promosi Secara Bersasar (*Targeted Promotion Programme*) mahupun menerusi eksposisi serantau dan antarabangsa.

Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor swasta atau industri-industri bagi menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi, beberapa peruntukan akan terus disediakan antaranya:

- i. Sejumlah \$6.3 juta di bawah pengendalian AKDT (Autoriti Kemajuan Daerah Temburong) bagi projek-projek pembangunan Daerah Temburong yang dihasratkan untuk memudah cara

dan meningkatkan pelaburan serta menghasilkan beberapa *spin-off activities* yang boleh membantu *MSME* dan juga menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.; dan

- ii. Bagi membantu dan mendukung para pengusaha atau peladang memajukan dan meningkatkan lagi industri pertanian dan agrimakanan, peruntukan sejumlah \$500 ribu akan terus disediakan di bawah Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan khususnya untuk membiayai perbelanjaan antaranya pembelian baja, racun, peralatan dan mesin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang pernah kita alami semasa pandemik *COVID-19*, negara kita tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran kenaikan harga barangan yang didorong oleh kenaikan kos pengangkutan dan logistik, peningkatan harga barang mentah dan sekatan eksport dari negara-negara pengeluar yang setentunya menjejaskan bekalan global.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira jua negara ini meng*import* sekitar 70% barangan terutama makanan dari luar negara, kerajaan akan terus memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran domestik khususnya dari Sektor-Sektor Pertanian, Perikanan dan Ternakan.

Ini penting agar bekalan makanan negara sentiasa terjamin dan seterusnya tidak menjejaskan pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup. Bagi mendukung usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran di sektor pertanian dan perikanan, beberapa usaha telah dilaksanakan antaranya:

- i. *Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd.* iaitu anak syarikat di bawah *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*, telah ditubuhkan pada 25hb. Julai 2019M untuk mengendalikan Projek Penanaman Padi secara skala besar di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kandol, Labi, Kuala Belait. Sejak penanaman pertama pada tahun 2019, kawasan penanaman padi di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kandol telah meningkat daripada 8.23 hektar kepada 68.23 hektar pada Julai 2022M. Kawasan penanaman padi ini dijangka akan meningkat lagi kepada 173.23 hektar pada pertengahan tahun 2023.
- ii. Penandatanganan kontrak perjanjian bagi Projek Design, Supply, Install, Testing and Commissioning of New Rice Mill, Paddy Dryer and Storage For Wasan Rice Processing Complex telah diadakan pada 10hb. Ogos 2022. Fasiliti tersebut dijangka siap pada bulan Jun 2023 dan dihasrat akan dapat

- meningkatkan kualiti dan kuantiti penyimpanan padi dan membolehkan pengisaran padi dan pembungkusan beras secara lebih efisien.;
- iii. *Syarikat Barramundi Group (B) Sdn. Bhd.* telah pun mencapai sasaran bagi tahun 2022 bagi penternakan 100 tan metrik ikan Barramundi di negara ini dan telah mula mengeksport ke Republik Singapura bermula suku ketiga tahun 2022 dan sebahagiannya juga telah dijual di pasaran domestik.;
- iv. *Syarikat Gropoint Sdn. Bhd.* iaitu sebuah syarikat yang mengeluarkan produk perikanan yang berteknologi tinggi dan mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 3,500 tan metrik ke 5,000 tan metrik setahun. Syarikat tersebut dijangka akan membina kilangnya pada suku pertama tahun 2023.; dan
- v. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, Negara Brunei Darussalam melalui *Syarikat Golden Chick Livestock Sdn. Bhd.*, telah berjaya mengeksport sekitar 300 ribu biji telur ayam ke Republik Singapura buat pertama kalinya. Dalam perkara ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus bekerjasama dengan pihak autoriti di luar negara serta para pengusaha untuk membuat penyelarasan, perancangan dan persiapan bersesuaian bagi mengeksport ayam segar dan produk berasaskan daging dan produk pertanian dan perikanan untuk dieksport ke Republik Singapura dan negara-negara lain.
- Ke arah mendukung usaha-usaha tersebut, beberapa peruntukan akan terus disediakan bagi mencapai ke arah pertumbuhan keluaran industri pertanian dan perikanan yang lebih pesat dan mampan serta bagi mencapai sekuriti makanan, iaitu:
- i. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara, peruntukan sejumlah \$9.3 juta juga akan disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta bagi pembelian benih-benih padi *hybrid* untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi.;
  - ii. Sejumlah \$6 juta dengan Harga Rancangan \$36 juta di bawah RKN-11 bagi Pembukaan Kawasan Penanaman Padi secara Komersial di kawasan Kandol, Daerah Belait.;
  - iii. Sejumlah \$4.5 juta dengan Harga Rancangan \$26 juta di bawah RKN-11 bagi Rancangan Pembangunan Industri Ternakan untuk menjana pengeluaran termasuk pembekalan elektrik di kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1, Daerah Belait dan makmal Program Pusat Penyelidikan, Penganalisisan dan

- rujukan bagi Penyakit Ternakan.; dan
- iv. Sejumlah \$118 ribu dengan harga rancangan \$15 juta di bawah RKN-11 bagi memajukan dan membuka tapak-tapak industri akuakultur termasuk menyediakan infrastruktur asas.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan terus memberikan keutamaan untuk menyediakan akses kepada infrastruktur digital yang berkualiti tinggi dan selamat, menggalakkan inovasi dan mewujudkan ekosistem serta menawarkan latihan untuk meningkatkan kemahiran bagi memastikan negara bersedia untuk memanfaatkan teknologi digital.

Dalam mendukung aspirasi negara untuk menjadi sebuah *smart nation*, Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang dilancarkan oleh Majlis Ekonomi Digital pada bulan Jun 2020, telah pun menyediakan satu rangka kerja (*framework*) untuk mengembangkan rancangan dalam mendukung perkembangan Ekonomi Digital secara *Whole Of Nation Approach*. Pelan induk tersebut telah pun mengenal pasti tiga *key flagship projects* yang akan menjadi *pillar* utama untuk mewujudkan *transformasi digital* secara keseluruhan. Perkembangan terkini bagi ketiga-tiga *flagship projects* tersebut seperti berikut:

- i. Di bawah Projek *National Information Hub (NIH)* yang

berperanan sebagai penyimpanan data umum telah pun dilancarkan dan mula digunakan pada bulan Jun 2021. Sehingga kini, sebanyak 10 *Data Provider* dan 11 *Data Users* yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan telah menggunakan platform tersebut. Pada tahun 2023 terdapat 16 buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk institusi kewangan dijangka akan menyertainya.;

- ii. Di bawah Projek Digital Identity yang merupakan penambahbaikan sistem e-Darussalam yang sedia ada pada masa ini dan dijangka untuk siap pelaksanaannya dan mula digunakan pada tahun ini. Projek ini akan menggunakan pengesahan digital identity bagi keperluan login ke atas beberapa perkhidmatan kerajaan. Perkhidmatan tersebut juga akan dilaratkan kepada sektor perniagaan melalui pengintegrasian dengan National Business Services Platform bagi membolehkan sektor perniagaan memproses transaksi perniagaan secara digital.; dan
- iii. Projek Digital Payment Hub merupakan penyediaan platform yang membolehkan pengintegrasian antara pelbagai sistem pembayaran sedia ada

dan akan membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran secara digital dengan lebih mudah dan cepat. Projek ini dijangka akan siap pelaksanaannya dan mula digunakan pada penghujung tahun ini tertakluk kepada penerimaan atau adoption oleh bank-bank tempatan.

Dalam mempercepatkan usaha-usaha *digitalisation* di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Majlis Ekonomi Digital melalui *Smart Nation Office* sedang melaksanakan pengukuhan pelan-pelan tindakan dalam mendukung pembangunan empat teras strategik utama di bawah Pelan Induk berkenaan iaitu *Government Digitalization, Industry Digitalization, Thriving ICT Industry* dan *Manpower and Talent Development* yang merangkumi pembangunan beberapa inisiatif, program dan projek sehingga tahun 2025 dan *Key Performance Indicators (KPI's)* untuk menangani dan mengukur kecekapan dan keberkesannya secara keseluruhan.

Selain itu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan ke arah mendukung usaha-usaha di bawah keutamaan kedua iaitu:

- i. Sistem Operasi Marin (*Marine-M*) yang dilancarkan oleh *Darussalam Pilotage Services Sdn Bhd (DPS)* adalah sistem pengendalian marin secara digital dengan menggunakan prosedur teras, operasi dan penyata

melalui teknologi mudah alih sistem digital.;

- ii. Pelancaran projek Unified Smart Metering System (USMS) secara komersial bagi kedua-dua Meter Elektrik Pintar dan Meter Air Pintar dengan sasaran bilangan lebih daripada 250 ribu meter di seluruh negara termasuk kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan dalam tempoh lima tahun. Ia bertujuan menggalakkan dan memacu bekalan dan penggunaan utiliti yang lebih cekap dan mesra pelanggan.; dan
- iii. Pihak Unified National Networks Sdn. Bhd. atau UNN bersama beberapa syarikat telekomunikasi antarabangsa telah menandatangani perjanjian untuk melabur bersama dalam sebuah sistem kabel dasar laut di Asia Tenggara yang bernilai USD300 juta. Ini untuk meningkatkan kapasiti data di rantau Asia Tenggara dan menaikkan taraf kapasiti tempatan yang mana dijangka siap menjelang suku ketiga tahun 2025.

Bagi membolehkan agensi-agensi berkenaan mendukung usaha-usaha di bawah keutamaan ini, beberapa peruntukan akan terus disediakan:

- i. Sejumlah \$1.9 juta dengan Harga Rancangan \$15 juta di bawah

- RKN-11 untuk Pusat Data Kerajaan dan *Infrastruktur Cloud* iaitu bagi menaik taraf dan mengembangkan infrastruktur pusat data kerajaan untuk menampung keperluan sumber-sumber pengkomputeran bagi aplikasi dan perkhidmatan dalam talian kementerian dan jabatan kerajaan.;
- ii. Sejumlah \$2 juta dengan Harga Rancangan \$4 juta di bawah RKN-11 untuk Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan termasuk bagi penyediaan Central Admission System dan database bagi mengurus kemasukan penuntut-penuntut ke semua institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama secara digital.;
  - iii. Bagi mendukung transformasi dan penyelidikan penjagaan kesihatan digital, beberapa peruntukan akan disediakan di bawah Kementerian Kesihatan iaitu sejumlah \$18 juta bagi membiayai Sistem *BruHealth* Fasa II dan III dan sejumlah \$3.4 juta bagi Bru-HIMS Level 1, 2 & 3 Support and Maintenance Service.; dan
  - iv. Sejumlah \$127.8 juta bagi peruntukan Teknologi Maklumat di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian-Kementerian

secara keseluruhannya termasuk bagi membiayai projek IT Central Procurement (ITCP) dan lesen-lesen perisian (software) bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di peringkat global, kerajaan juga akan terus mempergiatkan usaha dalam kerjasama ekonomi yang meliputi perdagangan dan pelaburan dengan rakan-rakan antarabangsa. Ini bertujuan membukakan lebih banyak akses pasaran dan rangkaian pasaran eksport bagi membantu perniagaan tempatan mengeksport ke pasaran luar negara. Di samping itu, ia juga dihasrat dapat menaikkan taraf imej Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelaburan yang lebih menarik dan kompetitif.

Ke arah itu, beberapa usaha telah dilaksanakan melalui penandatanganan perjanjian yang telah dan akan dimeterai seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*; Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik atau *Indo-Pacific Economic Framework (IPEF)*; dan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*.

Dalam hal ini, kaola menyeru agar *MSME* tempatan untuk menerokai serta memanfaatkan fasiliti di bawah perjanjian-perjanjian sedia ada dan seterusnya menyertai rantaian nilai serantau dan juga global.



Di samping itu, beberapa *MoU* telah ditandatangani bersama beberapa buah negara rakan strategik termasuk Republik Sosialis Vietnam, Republik Rakyat Bangladesh, Republik Demokratik Rakyat Laos dan Republik Singapura yang meliputi kerjasama bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, perdagangan, pelancongan, pelaburan, pertanian, tenaga, latihan, pendidikan, perubatan, pemakanan, pengangkutan dan sebagainya.

Melalui perjanjian strategik tersebut, dihasratkan dapat mengeratkan hubungan rapat dengan negara-negara tersebut terutamanya dalam bidang-bidang kerjasama kepakaran dan sumber-sumber yang boleh dimanfaatkan seperti dari aspek pendidikan tinggi, pelancongan, sains dan teknologi dan sebagainya.

Perkhidmatan awam juga memainkan peranan penting untuk memacu aktiviti perekonomian dan mendukung pemulihan ekonomi negara. Oleh itu, agensi-agensi kerajaan disarankan untuk meneliti kesesuaian dalam menerokai inisiatif-inisiatif pembaharuan tertentu bagi meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan dengan lebih efisien.

Langkah sedemikian secara langsung akan dapat meningkatkan produktiviti sektor awam dan seterusnya dapat memastikan perkhidmatan awam dapat bergerak maju ke hadapan dengan lebih inovatif dan kreatif untuk menerajui agenda-agenda pembangunan melalui pendekatan *whole of nation* bagi

mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itu, sejumlah \$500 ribu dengan Harga Rancangan \$50 juta di bawah RKN-11 akan disediakan bagi mengembangluaskan keupayaan Sistem *Bru-HIMS 2.0* iaitu dengan memperkenalkan ciri-ciri utama iaitu sistem *Intelligent Electronic Medical Record (EMR)*, *Intelligent Care Plan and Clinical Pathway Recommendation* dan sistem data yang berstruktur.

Sistem tersebut akan dapat memberikan penilaian risiko kesihatan, meramalkan *diagnosis* dan pembentukan Pelan Penjagaan Peribadi, mengumpul data secara berstruktur bagi meningkatkan kualiti data dan mempelbagaikan keupayaan sistem aplikasi yang lain.

Di samping itu, sejumlah \$148 ribu dengan Harga Rancangan \$5 juta di bawah RKN-11 akan disediakan bagi projek '*MOD Integrated Platform*' bagi menambah baik penyelarasan antara jabatan di bawah Kementerian Pembangunan, memperkemas struktur operasi dan proses ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang efisien.

Skop kerja termasuk penyediaan Sistem Pendaftaran Tanah yang baharu yang akan dapat menyumbangkan data kepada Pangkalan Data Kebangsaan khususnya '*Land Hub*'. Di samping itu, sistem tersebut, akan membolehkan orang awam untuk membuat

pembayaran secara dalam talian atau *online payment*.

Selain itu, sejumlah \$400 ribu dengan Harga Rancangan \$5.8 juta di bawah RKN-11 akan terus disediakan bagi projek Sistem Aset dan Infrastruktur Kerajaan bagi membangunkan sebuah sistem pengurusan aset yang merangkumi penyimpanan data bagi aset kerajaan dan modul-modul logistik yang menyeluruh.

Manakala, sejumlah \$406 ribu dengan Harga Rancangan \$12.3 juta di bawah RKN-11 untuk menyediakan platform bagi *National Registration System* dan *Biometric Border Control System*. Ia akan menggantikan Sistem Pengeluaran Kad Pengenalan Pintar, *Smart-ID System*; *Birth, Death and Adoption System*; dan diintegrasikan dengan sistem *Visa* dan *Pass*.

Manakala bagi membangun keupayaan dan kapasiti perkhidmatan awam ke arah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, peruntukan sejumlah \$41.3 juta akan terus disediakan di bawah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di kementerian-kementerian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Fokus belanjawan yang ketiga ialah Pembangunan Modal Insan yang Dinamik, Proaktif dan Inovatif. Kerajaan akan terus memberikan keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sistem pendidikan, mengukuhkan pendidikan

teknikal dan vokasional termasuk peningkatan dari aspek keupayaan tenaga pengajar, serta latihan profesional, dengan matlamat untuk meningkatkan kecekapan serta melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, profesional dan berkeupayaan tinggi.

Ini bagi memastikan penyesuaian berterusan terhadap perubahan persekitaran ekonomi serta penyelarasan modal insan dengan keperluan pasaran pekerjaan di negara ini.

Bagi menyejajarkan perancangan tenaga manusia dengan *marketability* dan *employability* anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang *sustainable* dan *gainful*, *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk mendukung visi *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. *MISC* juga akan menyelaras antara industri, institusi pendidikan dan institusi latihan ke arah memenuhi permintaan industri serta memastikan bekalan sumber manusia yang mencukupi pada waktu yang tepat.

Penglibatan sektor swasta melalui 71 buah syarikat yang telah dilantik selaku ahli *MISC Working Groups* bagi sektor-sektor tenaga, pembinaan, *ICT*, hospitaliti dan pelancongan, dan pengangkutan dan logistik, memainkan peranan penting dalam memberikan maklum balas keperluan tenaga kerja dan latihan mengikut perspektif industri masing-masing.

Selain menyediakan inisiatif pembangunan kemahiran, *MPEC* juga telah memperkenalkan Program Jati Diri (PJD) bagi memperkukuhkan kedayatahanan, integriti, disiplin dan tanggungjawab anak tempatan agar lebih bersedia untuk menceburi alam pekerjaan atau *job-ready*.

Program ini mandatori bagi semua anak tempatan yang mengikuti program *iSkills* dalam bidang *welding*, *scaffolding*, *rigging*, *mark and fitting* dan *blasting-painting* memandangkan pekerjaan-pekerjaan tersebut akan memerlukan kedayatahanan, disiplin dan komitmen kerja yang tinggi.

Pihak *MPEC* juga menyediakan Garis Panduan Gaji atau *Salary Guideline* di sektor swasta sebagai langkah yang penting ke arah memastikan pencari kerja dan pekerja tempatan menerima gaji yang bersesuaian mengikut kemahiran dan produktiviti mereka di setiap peringkat tangga kerjaya.

Garis panduan tersebut berfungsi untuk membantu sektor swasta dalam mewujudkan pakej gaji yang kompetitif dan menarik bagi membolehkan pekerja tempatan memperoleh pekerjaan yang bermakna dan mengekalkan mereka dalam sebuah pekerjaan. Ini seterusnya akan meningkatkan kerjaya individu tersebut dalam profesion yang diceburi. *Salary Guideline* di sektor swasta ini mengandungi 22 *job families*, yang ia berdasarkan kepada permintaan utama industri.

Beberapa inisiatif khusus bagi meningkatkan *employability* golongan pencari kerja tempatan termasuk golongan yang mempunyai kelulusan rendah juga telah diperkenalkan. Inisiatif ini seperti program latihan *iSkills*, *iLeap* dan *TVET Scheme* yang telah disediakan bagi golongan berkenaan untuk meningkatkan kemahiran khususnya dalam bidang-bidang teknikal dan seterusnya menjadi nilai tambah dalam menjawat jawatan yang bersesuaian di sektor berkenaan.

Program *Industry Learn And Excel Apprenticeship* atau *iLEAP* telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022, yang dianjurkan bersama oleh *MPEC* dan *Energy MISC-Working Group* dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat atau *Lifelong Learning Centre* dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) bertujuan untuk menyediakan peluang kepada tenaga kerja tempatan yang sedia ada dalam sektor tenaga bagi meningkatkan kemahiran dengan memperoleh kelulusan yang diiktiraf dalam bidang-bidang teknikal.

Selain itu, *SkillsHub* yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022 adalah sebuah lagi inisiatif *Energy MISC-Working Group*, *Lifelong Learning Centre* dan industri-industri yang berkepentingan, untuk menyediakan sebuah platform yang mengumpulkan bekalan latihan daripada *operator* dan syarikat industri tempatan. Ia dihasrat untuk menyediakan peluang-peluang

pembelajaran sepanjang hayat bagi tenaga kerja tempatan.

Rangka Kerja Kompetensi Industri *ICT* Brunei atau *Brunei ICT Industry Competency Framework (BIICF)* telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022 oleh *ICT MISC-Working Group* yang bermatlamat untuk memastikan profesional *ICT* tempatan mempunyai kompetensi *ICT* relevan untuk melaksanakan tugas dan membimbing mereka dengan kemahiran yang diperlukan yang selaras dengan keperluan industri.

Rangka kerja tersebut juga bertujuan memberikan standard kompetensi kepada institusi pendidikan tinggi dan penyedia latihan, yang akan menjadi rujukan dalam merancang kurikulum dan program latihan masing-masing.

Bagi penyediaan pekerja tempatan yang berkemahiran khususnya dalam bidang kejuruteraan, *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* telah menawarkan program-program biasiswa termasuk latihan industri kepada seramai 802 orang pelajar iaitu:

- i. Seramai 167 pelajar dari UBD telah dianugerahkan biasiswa dalam bidang Kejuruteraan Proses dan Kimia bersama UBD dan Universiti Zhejiang, yang mana program ini juga merangkumi latihan industri di kilang petrokimia Zhejiang Hengyi Petrochemical Co. Ltd. di Republik Rakyat China selama 6

bulan. seramai 91 graduan dari UBD telah bermula berkhidmat dengan syarikat tersebut.;

- ii. Seramai 211 pelajar dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*) telah dianugerahkan biasiswa dalam bidang Kejuruteraan Kimia dengan kerjasama Lanzhou Petrochemical Polytechnic College, Republik Rakyat China. Seramai 30 graduan dari *IBTE* telah bermula berkhidmat dengan syarikat tersebut dan seramai 31 orang pelajar telah dianugerahkan *Conditional Offer of Employment.*; dan
- iii. Manakala, seramai 424 pelajar mengikuti *Level 5 Diploma* di Politeknik Brunei iaitu sebuah program kerjasama di antara Politeknik Brunei dan *Lanzhou Petrochemical Polytechnic College (LPP)*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Seramai 254 orang pelajar telah dianugerahkan *Conditional Offer of Employment.*

Di samping itu, Politeknik Brunei telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menawarkan Program *Level 5 Diploma in Diabetes Nurse Educator (DNE)* untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran jururawat.

Ke arah meningkatkan kegiatan penyelidikan di negara ini, Makmal Sains dan Teknologi Bio-inspirasi antara UBD dan *Virginia Tech*, Amerika Syarikat telah

dilancarkan bagi membolehkan penyelidik dari kedua-dua belah pihak memanfaatkan sumber bio-diversiti negara yang kaya, dalam mendorong kejuruteraan bio-inspirasi dan teknologi digital yang lebih maju atau *advanced*.

Selain itu, Kementerian Kesihatan dan Syarikat *EVYD Technology* telah menandatangani *MoU* bersama *National University of Singapore, Saw Swee Hock School of Public Health* sebagai kerjasama untuk mengukuhkan sistem kesihatan termasuk dasar kesihatan, aktiviti akademik dan saintifik.

Sebagai usaha bagi meningkatkan kemahiran dan pertumbuhan perniagaan *MSME* khususnya bagi belia tempatan, Program *Youth Business Pitch 2022* yang telah dilancarkan oleh Keusahawanan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan *Entrepreneurship, Innovation, Community and Outreach*. Program tersebut bertujuan memberikan peluang kepada para belia untuk bergiat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan dan diperkasa ke arah mendukung ekosistem keusahawanan belia di negara ini.

Di samping itu, para peniaga di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) akan juga diberikan kursus dan latihan kemahiran, khususnya dalam hal-ehwal perniagaan bagi memberikan mereka pendedahan dan mengembangkan kompetensi peniaga-peniaga dalam mengendalikan

perniagaan masing-masing. Kursus dan latihan tersebut dihasrat akan dapat mendukung memperkembangkan penghasilan, penjenamaan dan pemasaran produk 1K1P bukan sahaja dalam pasaran tempatan tetapi juga untuk peluang dieksport ke luar negara.

Selain itu, Universiti Brunei Darussalam melalui Sekolah Perniagaan dan Ekonomi telah berjaya diterima sebagai ahli *Babson Collaborative for Entrepreneurship Education*. Ini akan membantu memajukan kaedah pengajaran, penyelidikan serta keupayaan perundingan khususnya dalam pendidikan keusahawanan.

Oleh itu, kaola menyeru belia di negara ini untuk merebut peluang-peluang ini untuk meningkatkan kemahiran melalui pelbagai platform yang telah disediakan oleh kerajaan mahupun sektor swasta dan pelbagai agensi-agensi berkepentingan.

Ke arah mengukuhkan kemudahan akses pendidikan, peruntukan secara keseluruhannya berjumlah \$19.8 juta dengan Harga Rancangan \$195.4 juta di bawah RKN-11 akan terus disediakan untuk penyediaan infrastruktur Sekolah-Sekolah Rendah, Menengah dan Agama serta Institusi Pengajian Tinggi antaranya Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Daerah Temburong, Kampus Kekal Politeknik di Ikas Bandung.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan kapasiti serta latihan

kemahiran ke arah memperkasa kualiti dan pencapaian mutu pendidikan negara, sejumlah \$42.8 juta secara keseluruhannya akan terus disediakan bagi pengendalian biasiswa di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi teratas di dunia.

Di samping itu, sejumlah \$44.7 juta akan disediakan untuk Perkhidmatan Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan khusus untuk membiayai pengambilan pakar dan tenaga-tenaga pengajar termasuk *Centre for British Teachers* atau *CfBT* bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar-pelajar di seluruh negara.

Sebagai salah satu usaha kerajaan dalam memberikan kesaksamaan peluang pendidikan di negara agar semua pelajar akan mendapat akses pendidikan serta mengelakkan keciciran dalam pelajaran, peruntukan sejumlah \$1.9 juta akan disediakan di bawah pengendalian Kementerian Kewangan dan Ekonomi khususnya untuk pemberian Elaun Pelajaran Sekolah Khas Swasta kepada Pelajar-Pelajar yang Berkeperluan Khas agar memastikan mereka mendapat penjagaan dan pendidikan yang lebih komprehensif di sekolah-sekolah khas swasta yang tertentu.

Selain itu, peruntukan sejumlah \$1.5 juta akan terus disediakan bagi mengendalikan **سكيم** **ميفتاهون** **ناجاه** untuk meringankan beban para ibu bapa dan

penjaga yang kurang berkemampuan untuk membeli keperluan persekolahan pelajar-pelajar.

Ke arah usaha dalam menyediakan tenaga kerja tempatan berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri semasa dan juga masa hadapan, peruntukan sejumlah \$20 juta akan disediakan di bawah *MPEC*, Jabatan Perdana Menteri bagi pengendalian program-program *i-Ready*, *Skillsplus*, *SPIN* dan *Tradeskills*.

Selaras dengan usaha memajukan kegiatan penyelidikan dan pembangunan idea-idea kreatif serta menggalakkan inovasi, sejumlah \$2.3 juta akan terus disediakan di bawah Kementerian Pendidikan untuk membiayai kos penyelidikan yang akan dilaksanakan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Di samping peruntukan-peruntukan yang kaola kongsiikan sebentar tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah \$27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara.

Demikianlah kaola kongsiikan mengenai keutamaan-keutamaan, perkembangan dan pencapaian-pencapaian serta peruntukan-peruntukan yang akan disediakan di bawah ketiga-tiga fokus belanjawan ke arah mendukung tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" atau "*Building A Prosperous Future Together*".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun suasana ekonomi global diramal masih tidak menentu sepanjang tahun 2023, namun kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha dalam memastikan ekonomi dan pembangunan secara mampan dalam jangka masa panjang.

Apa yang diharapkan dengan belanjawan yang dibentangkan ini, akan dapat membantu pihak awam dan swasta dalam mengharungi cabaran-cabaran ekonomi global ketika ini, khususnya dalam menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Namun demikian, semua pihak perlu menyedari bahawa keupayaan kerajaan untuk meneruskan projek-projek dan program pembangunan bergantung kepada kemampuan negara dalam memperolehi sumber pendapatan yang lebih *sustainable* dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Oleh itu, kaola sekali lagi menyeru agar sektor awam dan sektor swasta untuk terus berganding bahu dalam meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi pelaksanaan projek melalui *Public-Private Partnership*, dan meningkatkan usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing, agar dapat meningkatkan produktiviti negara dan membukakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Usaha gigih dan bersepadu

semua pihak diperlukan bagi sama-sama memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara agar ia dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan dengan izin *الله سبحانه وتعالى* jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir dengan penuh keberkatan di bawah perlindungan-Nya jua, *أَمِينٌ*.

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan **"Satu Undang-Undang Perbekalan Negara Yang Dikeluarkan Dari Peruntukan Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu"**, sepanjang Tahun Kewangan 2023/2024,

Sekian,

*وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ*

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar *presentation* yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II khusus mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah pun

dihadapkannya, yang telah dibuatnya dengan penuh tekun, terperinci dan teliti.

Sebelum Rang Undang-Undang ini kita bincangkan sebagaimana lazim, maka saya ingin mendengar kalau sekiranya ada ahli yang boleh menyokong Rang Undang-Undang ini. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:**

اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar; **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2023/2024 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud yang tertentu"**, telah sebagaimana saya nyatakan selesai dibentangkan dengan komprehensif dan panjang lebar dan penuh teliti oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, yang telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi membolehkan peluang kepada Ahli-Ahli yang Berhormat mengkaji inti pati kenyataan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, saya kira berpatutan sekarang bagi kita untuk menangguhkan mesyuarat kita ini dan kita akan bersidang semula pada keesokkan harinya, Selasa, 7hb. Mac 2023M seperti biasa mulai daripada pukul 9.30 pagi, sekian.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**